

SOROTAN LITERATUR KAJIAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI MALAYSIA

Azman Ab Rahmanⁱ, Mohamad Anwar Zakariaⁱⁱ, Muhd. Faiz Abd. Shakorⁱⁱⁱ, Nurul Shazwani Nordin^{iv}
& Nur Ain Syafiqah Rahmat^v

ⁱ Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, azman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, anwarzakaria8055@gmail.com

ⁱⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, faizshakorkisas@gmail.com

^{iv} Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, waninordin.work@gmail.com

^v Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, ainrahmat@gmail.com

ABSTRAK

Ilmu pendidikan Islam merupakan warisan yang sangat penting kerana sifatnya yang menyeluruh merangkumi semua aspek kehidupan sama ada untuk pelajar normal mahupun OKU. Dasar OKU dan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 Malaysia turut menetapkan sasaran terhadap usaha meningkatkan akses OKU kepada pendidikan di semua peringkat, termasuk pendidikan sepanjang hayat. Namun berdasarkan kajian, kurikulum pendidikan Islam yang sedia ada di Malaysia ia lebih memfokuskan kepada pelajar normal sahaja. Kurikulum yang sama juga turut diguna pakai oleh pelajar OKU dalam kalangan buta, pekak, dan bisu. Perkara ini juga memberi kesan dan permasalahan kepada golongan OKU tersebut untuk berdikari dan bergaul bersama masyarakat selepas tamat persekolahan sama ada dalam konteks ibadat, jenayah, munakahat dan muamalat disebabkan tiada pendedahan khusus tentang pendidikan Islam Khas dalam kalangan mereka. Di samping itu, kekurangan guru agama yang mahir berbahasa isyarat dan kesedaran ilmu agama dalam kalangan orang pekak juga menjadi faktor keterbelakangan pelajar-pelajar OKU dalam memahami permasalahan agama. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti serta menganalisis kajian sorotan literatur berkaitan kurikulum pendidikan Islam bagi pelajar OKU di Malaysia. Kajian kualitatif ini akan menggunakan kaedah pemerhatian dan dokumentasi. Hasil kajian ini mendapati bahawa perlunya pembangunan model kurikulum pendidikan Islam bagi pelajar OKU yang meliputi aspek ibadat, muamalat, munakahat dan juga jenayah. Kajian lanjutan perlu dilakukan untuk membangunkan model kurikulum Pendidikan Islam sebagai rujukan dan panduan utama pelajar-pelajar dan guru-guru Pendidikan Islam Khas dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta KPM dalam meningkatkan keberkesanan kurikulum pendidikan Islam Khas seterusnya dapat memperkasakan mutu pendidikan negara.

Kata Kunci: *Kurikulum, Pendidikan Islam, OKU*

PENDAHULUAN

Pendidikan Islam secara dasarnya bermula dari rumah dan masjid sebelum kewujudan sistem ilmu dan pendidikan yang sistematik. Pendidikan Islam ini telah didasari sejak dari zaman Rasulullah sehingga kini ia telah menjadi sebahagian daripada falsafah pendidikan yang diterapkan bermula dari bangku persekolahan lagi. Program Pendidikan Islam yang diajar di sekolah adalah satu usaha yang dilakukan secara sistematik dalam membimbing murid beragama Islam sehingga ajaran tersebut benar-benar difahami, dimiliki dan diamalkan oleh murid serta diterjemahkan dalam sikap, tingkahlaku hatta cara berfikir (Hammadah & Mustafa, 2018).

Pendidikan Islam merupakan salah satu kurikulum yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah untuk tujuan memperkenalkan kepada pelajar-pelajar mengenai ilmu-ilmu asas dalam Islam. Mata pelajaran Pendidikan Islam mula diwajibkan dalam sistem pendidikan di Malaysia kepada murid yang beragama Islam (Hamdi, Ab. Halim, Rosadah, &

Safani, 2012). Akta Pendidikan 1996 (akta 550) seksyen 5, telah menetapkan bahawa jika sesuatu institusi pendidikan mempunyai lima orang atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Bukan itu saja kurikulum Pendidikan Islam khusus untuk murid Islam telah dirangka dengan mengambilkira pelbagai aspek selaras dengan pembangunan insan yang dikehendaki Islam (Nik Hassan Seman, 2016).

Kurikulum yang digubal dan dirangka bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran ini umumnya bersesuaian untuk pelajar-pelajar normal. Kurikulum yang sama juga digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar OKU dalam kalangan buta, pekak, dan bisu. Tanpa membezakan kurikulum antara pelajar-pelajar normal dan pelajar-pelajar OKU, hal ini memberi kesukaran kepada guru-guru pendidikan Islam Khas untuk menyampaikan ilmu kepada golongan pelajar-pelajar OKU seterusnya mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi menyantuni kepada golongan yang OKU ini, pembangunan kurikulum yang komprehensif serta penerapan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang bersesuaian dengan kemampuan pelajar OKU perlulah ditiikberatkan. Perkara ini penting bagi meningkatkan keberkesanan pelajar OKU dalam memahami mata pelajaran pendidikan yang diajarkan kepada mereka. Justeru itu, kajian sorotan literatur kurikulum Pendidikan Islam OKU diperlukan bagi meneliti kajian-kajian yang melibatkan kurikulum Pendidikan Islam termasuklah kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan OKU.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menerapkan reka bentuk analisis dokumen. Bahan kajian daripada sumber primer dan sekunder seperti rujukan-rujukan sedia ada sama ada majalah, buku, jurnal serta tesis diteliti, dinilai dan dianalisis secara deskriptif bagi melengkapkan metodologi kajian ini. Kajian ini juga akan membuat perbandingan antara pendapat yang berbeza berkaitan kajian yang telah dijalankan serta membuat kesimpulan dan cadangan terhadap maklumat dan hasil kajian yang telah dijalankan.

TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur berkaitan kurikulum Pendidikan Islam OKU amat penting dalam pembangunan sebuah model Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Khas untuk Orang Kurang Upaya (OKU) yang akan digunapakai dalam meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan OKU.

Izuli Dzulkifli dan Asmawati Suhid (2018) dalam kajiannya yang bertajuk Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim menjelaskan bahawa perkara penting yang perlu diutamakan untuk menghasilkan modal insan OKU adalah aspek tadbir urus Pendidikan Islam. Aspek tadbir urus yang perlu diberi perhatian adalah kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam haruslah dipertingkatkan melalui kurikulum yang sesuai, kemahiran tenaga pengajar, akses kepada pendidikan, penyelidikan dan pembangunan perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Salah satu halangan yang dihadapi oleh OKU dalam mempelajari ilmu agama adalah halangan dalam mengakses maklumat. Nurul Asmak Liyana Bakar, Hamdi Ishak dan Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2017) dalam kajiannya menjelaskan pemerolehan maklumat terkini amat penting dalam menambah pengetahuan seseorang bagi memperbaiki diri dalam menjalani

kehidupan semasa. Namun begitu, ianya amat tersekat bagi golongan OKU terutamanya golongan cacat penglihatan dalam mengakses maklumat sebagaimana golongan normal yang lain. Mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada pendengaran dan deria sentuh dalam menjalani kehidupan mereka. Jika maklumat yang diperolehi mereka adalah salah maka salahlah pengamalan dalam kehidupan mereka sekiranya tiada yang membetulkannya.

Azman Ab Rahman, Norakyairee Mohd Raus, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi dan Mohammad Naqib Hamdan (2015) pula memperincikan kajian berkenaan Fiqh Jenayat yang berkaitan dengan orang kelainan upaya (OKU). Mereka berpandangan bahawa pelaksanaan hudud bukan bermaksud ingin menambah lagi kecacatan sedia ada yang ditanggung oleh golongan ini tetapi adalah untuk menjaga lima dharuriyyat seperti yang dijelaskan di bawah konsep Maqasid Syariah iaitu untuk memelihara agama, nyawa, keturunan, akal, dan harta. Oleh yang demikian, ilmu-ilmu yang seumpama ini perlu diterapkan dalam kurikulum pendidikan sedia ada untuk membolehkan mereka menyumbang ke tahap yang paling optima sekurang-kurangnya untuk diri sendiri dan yang lebih baik lagi kepada masyarakat dan negara.

Seterusnya Hammadah Abdul Rahman dan Mustafa Che Omar (2018) dalam kajiannya yang mengenai Analisis Isu dan Permasalahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) mendapati bahawa isu yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam bagi Program Pendidikan Khas Integrasi ialah kurangnya infrastruktur terutamanya dari segi bahan bantu mengajar (BBM) yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Peralatan seperti al-Qur'an Braille digital, buku teks versi Braille dan FingerReader dan sebagainya dapat membantu MBK dalam p&p dan menjadikan p&p lebih menarik dan mudah.

Peranan universiti dalam memberikan aksesibiliti ilmu pendidikan Quran dan Sunnah menjadi salah satu keperluan untuk menerapkan lagi ilmu Pendidikan Islam dalam kalangan OKU. Kajian bertajuk Khidmat Quran dan Sunnah Bagi OKU: Pengalaman di USIM yang telah dijalankan oleh Adnan Mohamed Yusoff, Hj. Norakyairee Hj. Mohd Raus dan Desi Suryani Bakhsan Basri (2017) telah mendapati bahawa FPQS, USIM berperanan penting dalam memberi ruang kepada golongan OKU untuk mendapat hak dan akses terhadap Pendidikan Quran Sunnah antaranya adalah melalui penawaran kursus wajib fakulti iaitu kursus Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah, Kursus Dakwah Tanpa Suara (KTDS), pengenalan Buku Iqra' Versi Braille dan Smart Iqra Braille, pengenalan Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan (i-TALK PISKEB) serta penerbitan berkaitan pendidikan agama islam dalam kalangan OKU.

Seterusnya Ahmad Yunus & Tengku Intan Zarina (2014) dalam kajiannya yang bertajuk Keperluan Hadis Braille Dalam Pendidikan Khas: Satu Cabaran dalam Pendidikan Islam telah menyatakan pengajian hadis braille merupakan satu keperluan yang sama penting kepada golongan OKU cacat penglihatan sebagaimana al-Qur'an. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa Hadith Braille amat signifikan dan diperlukan dalam sistem pendidikan khas OKU. Oleh kerana belum wujud pengajian berkaitan Hadith Braille disebabkan ketiadaan modul dan bahan bantu mengajar, penulis telah mencadangkan agar pelaksanaannya dipercepatkan bagi memenuhi keperluan OKU cacat penglihatan. Perkara ini sangat penting untuk meningkatkan kefahaman mereka dalam memahami ilmu pendidikan Islam. Ini kerana Ini merupakan satu keadaan yang tidak adil kepada mereka kerana mempelajari hadis adalah sama pentingnya dengan mempelajari al-Qur'an. Ini kerana, dengan hadislah seseorang insan akan lebih memahami ayat-ayat al-Qur'an al-karim.

Kajian yang dijalankan oleh Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid dan Safani Bari (2012) telah dijalankan untuk meneroka dan menganalisis pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid Pendidikan Khas di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kebangsaan (Bermasalah Pendengaran). Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian merancang pengajaran menggunakan sukatan pelajaran Pendidikan Islam kebangsaan namun berbeza dalam pelaksanaan yang berkaitan dengan pengubahsuaian dalam pengajaran. Penggunaan kaedah yang sesuai dengan kemampuan akal dan pendengaran murid, komunikasi yang sesuai dibantu dengan sikap dan kompetensi guru dapat memberikan kesan positif terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Norakyairee Mohd Raus dan Ab. Halim Tamuri (2011) dalam kajian yang bertajuk Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa telah menjelaskan bahawa isu berkaitan Kurikulum Pendidikan Islam, keberkesanan P&P, cabaran guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Islam Khas menjadi isu perbincangan yang hangat. Justeru penulis telah mencadangkan seluruh pihak perlu menggembeleng tenaga bagi merealisasikan hasrat kerajaan 'satu OKU Penglihatan, satu al-Quran Braille'. Penulis juga telah menyarankan agar penghasilan bahan rujukan Islami yang ditranskripsi ke dalam bentuk Braille diperkayakan lagi untuk meningkatkan ilmu dalam kalangan OKU cacat penglihatan.

Norshidah & Khalim (2010) telah menjalankan kajiannya yang bertajuk *How and Why The Visually Impaired Student Socially Behave The Way They Do* yang bertujuan untuk mengkaji tingkah laku sosial murid berkeperluan khas. Penulis dalam kajiannya ini telah menengahkan tentang kepentingan guru untuk memahami kekangan yang dialami oleh murid berkeperluan khas ini di mana aktiviti pembelajaran mereka adalah terbatas dan ini disebabkan oleh proses murid ini dalam menerima maklumat yang disampaikan oleh guru sama sekali berbeza berbanding murid tipikal (normal). Oleh itu kaedah atau gaya pengajaran, bahan-bahan pengajaran serta matlamat pendidikan perlu diubahsuai dan direka khas untuk disesuaikan dengan keperluan dan kemampuan mereka.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam khususnya bagi murid berkeperluan khas pembelajaran perlu dilihat dengan lebih serius. Noraakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Nur Amalina Azhar, Nurutthoilah Mohd Nabil, Ab. Halim Tamuri dan Norshidah Mohamad Salleh (2019) dalam penulisan mereka bertajuk Pendidikan Agama Islam Dalam Kalangan OKU: Isu dan Cabaran telah membincangkan berkaitan isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran al-Quran Braille. Antara cabaran yang dihadapi adalah kemahiran penggunaan al-Quran Braille, masa pengajaran terhadap dan juga kekurangan bantu mengajar termasuklah bahan-bahan pendidikan al-Quran berbentuk kod Braille yang boleh dijadikan rujukan seperti bahan ilmu Tajwid, buku teks Pendidikan Islam, Tafsir al-Quran, dan sebagainya.

Selain itu, keperluan pengajaran dan pembelajaran Fardhu Ain juga amat penting kepada murid berkeperluan khas. Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria dan Syar Meeze Mohd Rasyid (2019) dalam kajian yang bertajuk *Kaedah Pengajaran Fardhu Ain Kepada Murid Berkeperluan Khas* berpendapat bahawa penyediaan bahan bantu mengajar kepada murid berkeperluan khas adalah tidak sama dengan bahan bantu mengajar pelajar normal. Penulis juga telah membincangkan berkaitan kaedah serta model pengajaran dan pembelajaran Fardhu Ain

yang telah dibangunkan oleh Yayasan FAQEH yang mana terdiri daripada elemen tilawah dan hafazan, elemen terapi dan tahsin ibadah serta elemen terapi alami.

Menurut Azmil Hashim, Bahariah Ab Rahman dan Hamdi Ishak (2017) dalam kajiannya berkaitan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah Al-Quran Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pendengaran) mendapati bahawa peserta kajian membuat perancangan pengajaran menggunakan sukatan pelajaran Pendidikan Islam Kebangsaan, namun terdapat pengubahsuaian dalam pengolahan isi pengajaran masing-masing. Penulis juga menyatakan bahawa murid-murid pendidikan khas diwajibkan untuk mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang terdiri daripada tujuh bidang utama, iaitu al-Quran, Hadith, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi.

Kajian bertajuk Pendidikan Adab Islam: Cabaran di Kalangan OKU Penglihatan yang dijalankan oleh Siti Farhana Suhadak dan Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2016) membincangkan kepentingan Pendidikan adab Islam terhadap golongan OKU penglihatan. Penulis telah menjelaskan bahawa sukatan pembelajaran untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran dibina dengan merujuk kepada sukatan pelajaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pendidikan adab dan akhlak Islam diajar kepada golongan OKU penglihatan melalui pendidikan agama Islam yang merangkumi enam adab iaitu adab dalam kehidupan seharian, adab dalam kehidupan bersosial, adab dalam melakukan ibadah, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab menuntut ilmu dan adab terhadap Allah dan Rasul.

Bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) bagi subjek Pendidikan Islam telah digubal dengan matlamat untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu serta bersesuaian dengan tahap kefungisian murid. Kurikulum ini lebih berfokus kepada penguasaan kemahiran bagi memenuhi keperluan individu, tidak terlalu menekankan akademik dan tidak membebankan murid. Mata pelajaran Pendidikan Islam bagi pelajar Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) ini disusun di bawah empat tajuk utama iaitu Asuhan Tilawah al- Quran, Asas Ulum Syariah, Asas Akhlak Islamiah dan Jawi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2017).

Selain itu, Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) bagi subjek Pendidikan Islam. Matlamat penggubalan kurikulum ini adalah bertujuan melahirkan murid bermasalah pendengaran yang menghormati diri dan orang lain, berilmu, beramal, berketerampilan, berakhlak mulia serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara. Mata pelajaran Pendidikan Islam bagi pelajar Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) ini diorganisasikan dalam bentuk modular yang terdiri daripada Modul Al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2017). Manakala bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Penglihatan), masih belum terdapat lagi kurikulum berkaitan mata pelajaran Pendidikan Islam.

Seterusnya, Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) pula digubal dengan mengambil kira keupayaan dan potensi Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari pelbagai kategori dan kefungisian. Semua MBK dalam kategori Ketidakupayaan Pendengaran,

Ketidakupayaan Penglihatan, Masalah Pembelajaran, Ketidakupayaan Fizikal, Ketidakupayaan Pertuturan dan Ketidakupayaan Pelbagai mempunyai ruang dan peluang yang sama untuk mengikuti KSSMPK (Peraturan Pendidikan Khas 2013). KSSM Pendidikan Khas Pendidikan Islam memfokuskan penekanan kepada kemahiran membaca ayat-ayat pilihan, memahami ayat daripada surah pilihan dari al-Quran, maksud hadis, asas-asas akidah, ibadah, akhlak serta sirah Rasulullah SAW dengan harapan murid berupaya memahami, mengamal dan mengahayati tuntutan syariah Islam dalam kehidupan harian (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2018).

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

Hasil tinjauan literatur yang telah dilakukan mendapati kurikulum Pendidikan Islam OKU hendaklah dikaji dengan lebih terperinci untuk meningkatkan lagi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan OKU. Sorotan kajian terdahulu berkaitan kualiti pendidikan Islam OKU, kepentingan kaedah pengajaran dan pembelajaran OKU, cadangan terhadap Kurikulum Pendidikan Islam OKU, pengenalan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah-sekolah pendidikan khas sebagaimana dinyatakan berikut:

Jadual 1: Sorotan Literatur Kajian Kurikulum Pendidikan Islam OKU di Malaysia:

Bil.	Penulis	Perbincangan/ Hasil Kajian
1.	Izuli Dzulkifli & Asmawati Suhid (2018)	Kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam haruslah dipertingkatkan melalui kurikulum yang sesuai.
2.	Nurul Asmak Liyana Bakar et. al. (2017)	Salah satu halangan yang dihadapi oleh OKU dalam mempelajari ilmu agama adalah halangan dalam mengakses maklumat.
3.	Azman Ab. Rahman et. al. (2015)	Ilmu berkenaan Fiqh Jenayat OKU haruslah diterapkan dalam kurikulum pendidikan sedia ada.
4.	Hammadah Abdul Rahman dan Mustafa Che Omar (2018)	Isu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang timbul adalah kurangnya bahan bantu mengajar.
5.	Adnan Mohamed Yusoff et. al. (2017)	Peranan FPQS, USIM dalam memberi ruang kepada golongan OKU untuk mendapat hak dan akses terhadap Pendidikan Quran Sunnah
6.	Ahmad Yunus & Tengku Intan Zarina (2014)	Pengajian hadis braille merupakan satu keperluan yang sama penting kepada golongan OKU cacat penglihatan sebagaimana al-Qur'an.
7.	Hamdi Ishak et. al. (2012)	Penggunaan sukatan Pendidikan Islam Kebangsaan kepada OKU dengan mengubahsuai kaedah pengajaran.
8.	Norakyairee Mohd Raus dan Ab. Halim Tamuri (2011)	Saranan penghasilan bahan rujukan Islami yang ditranskripsi ke dalam bentuk Braille.
9.	Norshidah Mohamad Salleh & Khalim Zainal (2010)	Kaedah atau gaya pengajaran, bahan-bahan pengajaran perlu direka khas sesuai dengan kemampuan murid berkeperluan khas.
10.	Norakyairee Mohd Raus et. al (2019)	Kekurangan rujukan berbentuk Braille seperti bahan ilmu Tajwid, buku teks Pendidikan Islam dan Tafsir

Al-Quran.

11.	Mohd Huzairi Awang et. al (2019)		Kaedah dan model pengajaran dan pembelajaran Fardhu Ain kepada murid berkeperluan khas.
12.	Azmil Hashim et. al. (2017)		Kewajipan murid pendidikan khas untuk mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.
13.	Siti Farhana Suhadak & Tengku Intan Zarina (2016)		Rujukan sukatan pelajaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dalam pendidikan adab Islam OKU.
14.	Kementerian Malaysia (2017)	Pelajaran	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pendidikan Islam merangkumi aspek Asuhan Tilawah al- Quran, Asas Ulum Syariah, Asas Akhlak Islamiah dan Jawi
15.	Kementerian Malaysia (2017)	Pelajaran	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) Pendidikan Islam memfokuskan aspek pendidikan Al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi.
16.	Kementerian Malaysia (2018)	Pelajaran	Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) Pendidikan Islam yang berfungsi untuk kategori masalah pembelajaran, masalah pendengaran dan masalah penglihatan memfokuskan kepada aspek pemahaman surah pilihan dari al-Quran, maksud hadis, asas-asas akidah, ibadah, akhlak serta sirah Rasulullah SAW

Sumber: Pengkaji 2019

PENUTUP

Berdasarkan sorotan kajian yang dijalankan, model kurikulum bersepadu pendidikan Islam Khas yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) perlu diteliti semula dengan lebih mendalam bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan OKU merangkumi keseluruhan kategori OKU termasuklah golongan OKU bermasalah pembelajaran, pendengaran dan juga penglihatan. Di samping itu juga kurikulum Pendidikan Islam OKU yang menjurus kepada aspek perbahasan hukum serta permasalahan fiqh yang timbul dalam kalangan OKU masih lagi belum diperkenalkan di peringkat sekolah mahupun IPT. Pembangunan Model Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Khas berkaitan aspek Fiqh OKU amat penting bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar OKU dalam konteks Malaysia baharu.

Pembangunan Model Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Khas yang komprehensif merangkumi pelbagai aspek termasuklah aspek pelaksanaan syariat bagi golongan OKU serta perbahasan-perbahasan hukum tentang isu-isu yang dibincangkan amat penting sebagai panduan ilmu kepada semua masyarakat golongan OKU. Perbahasan hukum bagi setiap permasalahan mungkin berbeza-beza bergantung kepada keadaan OKU tersebut, sama ada keupayaannya hilang disebabkan oleh sesuatu sebab yang semula jadi atau akibat daripada kejadian yang tidak diingini. Melalui perbincangan dan penulisan yang memfokuskan kepada Fiqh OKU ini ia dapat menunjukkan bahawa Islam adalah merupakan agama yang lengkap, menyeluruh dan bersifat

sejagat yang memenuhi segala aspek kehidupan manusia dengan hukum-hakam dan pengajarannya. Islam mengatur hubungan sesama manusia melalui langkah yang terbaik dan pensyariatannya merangkumi setiap aspek seperti ibadat, jenayah, munakahat, dan muamalat sama ada bagi golongan normal mahupun OKU.

PERHARGAAN

Penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Pembangunan Produk Dan Inovasi USIM, dengan tajuk Pembangunan Model Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Dalam Konteks Malaysia Baharu, Kod Penyelidikan: USIM/FRGS/FSU/055002/50519. Penyelidik juga merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

- Adnan, M. Y., Hj. Norakyairee, H. M. R., & Desi Suryani, B. B. (2017). Khidmat Quran dan Sunnah Bagi OKU: Pengalaman di USIM. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*.
- Azman, A. R., Norakyairee, M. R., Hussein 'Azeemi, A. T., & Mohammad Naqib, H. (2015). *Fiqh Jenayah Orang Kelainan Upaya (OKU)*. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Penerbit USIM.
- Hamdi, I., Ab. Halim, T., Rosadah, A. M., & Safani, B. (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2).
- Hammadah, A. R., & Mustafa, C. O. (2018). *Analisis Isu Dan Permasalahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)*. Paper presented at the Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018.
- Izuli, D., & Asmawati, S. (2018). Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 2(2).
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017a). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pendidikan Islam Tahun 1-5*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017b). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) Pendidikan Islam Tahun 1-5*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) Pendidikan Islam Tingkatan 1-5*.
- Mohd Huzairi, A., Hajaratul Bahti, Z., & Syar Meeze, R. (2019). *Kaedah Pengajaran Fardhu Ain Kepada Murid Berkeperluan Khas*. Paper presented at the Seminar Kesedaran Pendidikan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) kepada OKU, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Norakyairee, M. R., & Ab. Halim, T. (2011). *Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa*. Paper presented at the Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa, IAIN ar-Raniry: Bandar Aceh, Aceh.
- Norakyairee, M. R., Mohd Nur Adzam, R., Nur Amalina, A., Nurutthoilah, M. N., Ab. Halim, T., & Norshidah, M. S. (2019). *Pendidikan Agama Dalam Kalangan OKU: Isu dan Cabaran Semasa*. Paper presented at the Seminar Kesedaran Pendidikan KAFA Kepada OKU Tahun 2019, JAKIM.
- Norazani, A., Jaffary, A., & Hapizah, T. (2004). *Pendidikan Islam dan Pembentukan Identiti Pelajar: Analisis Dari Perspektif Kaunseling*. Bangi: UKM.

- Norshidah, M. S., & Khalim, Z. (2010). *How and Why The Visually Impaired Student Socially Behave The Way They Do*. Paper presented at the Procedia Social and Behavioral Sciences
- Siti Farhana, S., & Tengku Intan Zarina, T. P. (2016). Pendidikan Adab Islam: Cabaran di Kalangan OKU Penglihatan. *Journal of Global and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(3), 108-118.